

PKR gesa BN pulihkan demokrasi bersama sebelum rekonsiliasi kebangsaan
Malaysian Insider
Mei 25, 2013
Oleh Ida Lim dan Md Izwan

PETALING JAYA, 25 Mei — PKR menggesa musuhnya Barisan Nasional (BN) hari ini untuk bekerjasama memulihkan demokrasi dalam negara terlebih dahulu sebelum memulakan usaha rekonsiliasi Malaysia.

Dalam ucapan Kongres Nasional Ke-9, Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menekankan pemulihan dalam dua aspek khususnya sistem pilihan raya dan Parlimen negara.

“Oleh demikian, sebagai suara majoriti rakyat, kita akan terus menuntut agat kerajaan minoriti Barisan Nasional bersama-sama kita untuk melaksanakan Agenda Pemulihan Demokrasi melalui reformasi politik yakni reformasi pilihan raya dan reformasi Parlimen sebelum menawarkan rekonsiliasi,” kata Dr Wan Azizah.

Sebelum itu dalam ucapannya, beliau mendakwa tawaran rekonsiliasi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak terbukti “tidak ikhlas” kerana dengan bongkak mencabar rakyat Malaysia yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya 5 Mei supaya berpindah ke negara lain.

Walaupun tidak menamakan pemimpin yang mengeluarkan kenyataan tersebut, Dr Wan Azizah tidak secara langsung merujuk kepada Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang baru dilantik apabila mengeluarkan kata kontroversi itu seperti dilaporkan oleh Utusan Malaysia.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-gesa-bn-pulihkan-demokrasi-bersema-sebelum-rekonsiliasi-kebangsaan/>